

Keunikan Taman Eko Rimba KL berpotensi jadi tarikan pelancong: Nik Nazmi

KUALA LUMPUR: Taman Eko Rimba Kuala Lumpur (TERKL) di Bukit Nenas berpotensi untuk dibangun dan dipromosikan sebagai satu lagi tarikan di ibu kota, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau berkata selain mempunyai sejarahnya tersendiri TERKL juga berada di lokasi yang strategik selain mudah untuk diakses, termasuk kepada pelancong asing.

“Mungkin bila orang datang Bukit Nenas mereka fikir sekolah, mereka fikir Menara KL, tak terfikir di sini ada satu Taman Eko Rimba yang ada sejarahnya tersendiri. Bukan sahaja flora, fauna juga ada.

“Sambutan sebenarnya sangat baik, tetapi saya rasa boleh pergi lebih jauh lagi sebab tidak banyak bandar raya di dunia yang boleh tawarkan satu hutan rimba yang ada di tengah-tengah kota raya. Jadi inilah keunikan Taman Eko Rimba di sini,” katanya ketika ditemui selepas mengadakan lawatan ke taman tersebut, semalam.

Nik Nazmi berkata pihaknya juga sudah membuat beberapa permohonan kepada Kementerian Ekonomi dan Kementerian Kewangan bagi meningkatkan lagi aktiviti promosi dan menaik taraf fasiliti di taman itu.

Terdahulu beliau bersama Pengerusi Kesihatan, Kebajikan dan Pengurusan



UNIK: Tiket boleh didapati di pintu masuk TERKL dengan harga RM10 untuk dewasa, RM1 bagi kanak-kanak dan warga emas (pemegang MyKad) manakala bagi pelancong, RM40 bagi dewasa dan warga emas dan RM5 bagi kanak-kanak. — Gambar Bernama

Bencana, Sains, Teknologi, Inovasi dan Teknologi Hijau, Alam Sekitar dan Perpaduan negeri Perlis Megat Hashirat Hassan merasmikan sesi pelepasan peserta Visit Perlis dan Green Fun Ride and Run serta Jelajah Perpaduan Kayuhan Hijau di Dataran Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program anjuran kerajaan negeri Perlis dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan Pertubuhan Nadi Sihat itu dianjurkan bersempena dengan ambang sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Negeri Perlis Tahun 2024.

Jabatan Perhutanan Se-

menanjung Malaysia dalam kenyataan hari ini berkata program itu bertujuan memupuk gaya hidup sihat dan semangat cintakan alam semula jadi dalam kalangan masyarakat, selain meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan memelihara sumber hutan.

“Program ini juga bertujuan mempromosi negeri Perlis bersempena dengan Tahun Melawat Perlis serta memperkukuh perpaduan dan integrasi nasional dengan mengadakan aktiviti perpaduan untuk orang ramai,” menurut kenyataan itu.

Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat

Negeri Perlis 2024 akan diadakan pada 24 hingga 26 Mei ini di Kompleks Ekopelancongan Sungai Batu Pahat, Perlis.

Pelbagai aktiviti akan diadakan termasuklah pameran tumbuhan herba, orkid, bonsai; pameran Agensi Kerajaan yang berkaitan penjagaan alam sekitar; Kem Biodiversiti, Bengkel Kenali dan Sayang Hutan; Bengkel Kesenian Penggunaan Peralatan Muzik dan Kebudayaan; Persembahan pada Malam Nakawan Rainforest Festival, Pertandingan memasak makanan daripada sumber hutan dan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak. — Bernama